



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“MENGHARGAI ANUGERAH ALAM”**

**Tarikh Dibaca :**

**15 RABI'ULAWWAL 1443H/  
22 OKTOBER 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْنَ كَمَا جَاءَ فِي الْقُرْآنِ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## MENGHARGAI ANUGERAH ALAM

15 RABI'ULAWWAL 1443H / 22 OKTOBER 2021

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ: وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَأَدْعُوهُ خَوْفًا  
وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ٥٦

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَلَا مِثْلَ وَلَا شَبِيهَ وَلَا ضِدَّ وَلَا نِدَّ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَرْحَمُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib berpesan pada diri sendiri dan menyeru sidang Jemaah sekalian, marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan Hari Alam Sekitar Negara 2021 pada 21 Oktober 2021, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk; **“Menghargai Anugerah Alam”**.

Sebelum itu, Khatib ingin mengingatkan untuk kita terus berdisiplin mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19. Manfaatkanlah kebenaran

merentas negeri yang telah diberikan dengan menziarahi ibu bapa dan ahli keluarga. Pastikan kita benar-benar dalam kondisi yang baik sebelum melakukan perjalanan merentas negeri agar kita dapat melindungi orang yang tersayang dari sebarang bahaya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu. Sesungguhnya ganjaran menunaikan solat secara berjemaah di masjid adalah sangat besar sebagaimana disebut dalam hadis:

صَلَاةُ الرَّجُلِ فِي الْجَمَاعَةِ تُضَعْفُ عَلَى صَلَاتِهِ فِي بَيْتِهِ، وَفِي سُوقِهِ، خَمْسًا وَعِشْرِينَ ضِعْفًا

**Mafhumnya:** “Solat berjemaah di masjid, ganjarannya melebihi daripada solat di rumah atau di kedai sebanyak 25 kelebihan. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Alam sekitar merupakan salah satu dari anugerah Allah SWT yang amat bernilai. Allah SWT mencipta alam ini seimbang untuk kemakmuran manusia dan makhluk-makhluk lain. Cuba kita perhatikan di sekeliling kita, alam yang menghijau, laut yang membiru, pertukaran malam dan siang, haiwan-haiwan, semuanya diciptakan untuk kita nikmati. Namun, di sebalik keindahan semua ini, penjagaan alam sekitar juga dititikberatkan dalam Islam. Hal ini dapat dilihat melalui taburan ayat ayat Al-Quran tentang melarang manusia melakukan kerosakan, menyuruh memakmurkan alam dan larangan bersikap sombong di dunia. Salah satunya, firman Allah SWT dalam Surah al-A’raf ayat 56 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (jika tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat bagi orang-orang yang memperbaiki amalannya”.*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Seiring dengan konsep khalifah yang diberi amanah untuk mengurus dan mentadbir bumi ini dengan sebaiknya, maka sangat penting untuk kita memastikan sumber yang ada dimanfaatkan sebaik-baiknya serta dijauhkan daripada bencana. Kita perlu ingat, alam ciptaan Allah ini bukan hanya untuk dinikmati tetapi juga untuk diwarisi.

Namun, mutakhir ini, kita sering melihat pelbagai kejadian bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh, kepanasan yang melampau, jerebu dan sebagainya. Lebih menyedihkan jika bencana alam, memusnahkan harta benda, tempat tinggal dan meragut nyawa. Hakikatnya, salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya bencana dan kerosakan alam sekitar disebabkan oleh kerakusan dan kecuaiian manusia sendiri serta sikap tamak yang menguasai diri manusia tanpa memikirkan kesannya kepada alam sekitar dan generasi yang akan datang.

Contohnya, pembakaran terbuka, pelupusan sampah sarap dan buangan berbahaya secara haram, tumpahan minyak, pelepasan air kumbahan tanpa dirawat, pembalakan haram, pelepasan sisa dari industri serta pembukaan tanah bagi tujuan pembangunan yang tidak terkawal. Ini semua berpunca daripada perbuatan manusia sendiri. Kesannya, mengakibatkan pencemaran alam sekitar dan mengundang musibah seperti banjir, pencemaran sungai yang menjadi sumber air bersih, hakisan tanah, pemanasan global, perubahan iklim dan sebagainya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا  
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ<sup>٤١</sup>

**Maksudnya:** “Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Hebatnya Islam, dalam etika peperangan Islam sekalipun, para tentera dilarang daripada merosakkan alam sekitar. Menjaga kebersihan alam dari pencemaran dan kekotoran merupakan sebahagian dari tuntutan Islam. Usaha memelihara alam juga termasuk antara amalan soleh dan mencemarkannya pula merupakan antara tegahan yang perlu dipatuhi.

Sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ

**Mafhumnya:** “Tidak ada seorang muslim yang menanam tanaman atau menyemai semaian lalu burung atau manusia atau binatang berkaki empat memakannya, melainkan untuknya (pahala) sedekah”.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Sesungguhnya kejadian bencana yang menimpa di negara ini dan beberapa tempat lain di dunia perlu dijadikan iktibar. Ia menyedarkan kita bahawa harta benda dan kehidupan di dunia ini adalah pinjaman sementara. Kita juga perlu melatih diri untuk sentiasa menghargai dan mensyukuri anugerah alam ini serta menginsafi diri dengan segala tanggungjawab dan amanah Allah SWT yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita.

Setiap anggota masyarakat berperanan sebagai mata dan telinga kepada Kerajaan dalam membantu menyalurkan maklumat dan aduan kepada pihak berkuasa berkaitan aktiviti-aktiviti yang merosakkan alam sekitar. Dengan adanya institusi kerajaan yang mantap serta sokongan dan kerjasama semua lapisan masyarakat dan warga yang prihatin, pastinya pelbagai isu berkaitan alam sekitar dapat ditangani dengan lebih baik dan berkesan.

Pelbagai perkara yang mudah boleh dilakukan bersama-sama keluarga dan komuniti di sekeliling bagi sama-sama menjaga kelestarian alam sekitar, antaranya;

1. Membuang sampah di tempat-tempat yang disediakan,
2. Melaksanakan pengasingan sisa sebelum dibuang,
3. Mengamalkan penjimatan dalam penggunaan air, elektrik dan sebagainya,
4. Penanaman pokok di sekitar halaman rumah,
5. Mengelakkan pembaziran makanan,
6. Amalan guna semula (*recycle*)

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa intipati untuk dijadikan pedoman kita semua;

**Pertama:** Tanggungjawab kita sebagai khalifah ialah memastikan bumi ini dimakmurkan dengan sebaiknya kerana ia merupakan amanah dari Allah SWT.

**Kedua:** Amalan menjaga kebersihan persekitaran akan menjamin keseimbangan ekosistem.

**Ketiga:** Sebagai manusia yang dikurniakan akal, sepatutnya kita memanfaatkan segala yang ada di muka bumi ini dengan sebaiknya tanpa berlebihan-lebihan serta tidak melampaui batas.

Renungi firman Allah SWT menerusi al-Qasas ayat 77:

وَأَبْتِغِ فِي مَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا  
أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ۗۗ

**Maksudnya:** “Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكُنَا كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ مَهَا  
 مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
 بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اِكُوغْ، تُونُوكُو  
 حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مَيْمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ  
 إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

وَكَمَا نَسَأَلُكَ اللَّهُمَّ دَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ لِجَلَالَهٖ نَائِبِ مَلِكِ مَالِيْزِيَا  
 دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا قُدُوكْ سِرِي سُلْطَانِ نَزْرِينِ مُعْزُالدِّينِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ اِزْلَنِ  
 مُحِبِّ الدِّينِ شَاهِ الْمَغْفُورِ لَهُ وَكَذَلِكَ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي فَيْرَاقِ تَوَانُوكُو  
 زَارَا سَلِيمِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُمْ وَوَزَرَءَهُمْ وَقَضَاتَهُمْ وَعَمَّالَهُمْ وَرِعَايَاهُمْ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
 بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.



اللَّهُمَّ اعْرِزْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۗ ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.